

Memahami ideologi Salafi Jihadi Daesh

MENANGANI ancaman Daesh memerlukan kita memahami ideologi Salafi Jihadi yang dipegang mereka. Ideologi ini sebenarnya bukan ciptaan Barat, tetapi disebut sendiri oleh Abu Bakar al-Baghdadi dalam rakaman audio tahun 2007 dan dibincangkan oleh pemimpin dan 'ulama Daesh' dalam terbitan mereka seperti majalah *Dabiq*. Ideologi ini dikaji oleh ulama al-Azhar seperti Dr. Usamah Sayyid al-Azhari, ulama Syria seperti Shaykh Muhammad al-Yacoubi, penganalisis keganasan seperti Abdel Bari Atwan dan Shiraz Maher serta sarjana bidang keganasan di Barat seperti Prof. Peter Neumann selain sarjana tempatan, Dr. Ahmad el-Muhammady.

Kaitan antara Salafi Wahabi dengan Daesh memang jelas kerana Daesh menggunakan buku tulisan ulama Salafi Wahabi dalam sistem persekolahan mereka, merujuk kepada ulama Salafi Wahabi dalam laman sesawang dan bahan penerbitan mereka, malah ulama Daesh, Turki al-Bin'Ali, menganggap Daesh seperti

ibrah

Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD HIZAM HANAFIAH**
Sarjana Pelawat,
The Wharton School, University of Pennsylvania, AS
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Penulis buku 'Bahaya ISIS (DAESH)'



negeri Wahabi pada peringkat awal iaitu sebagai penjaga serta pemelihara warisan Salafi Wahabi.

DOKTRIN UTAMA

Terdapat enam doktrin utama Salafi Jihadi, empat berasal daripada fahaman Salafi Wahabi dan dua dari pertubuhan politik. Empat doktrin Salafi Wahabi adalah:

- 1 Tauhid Tiga
- 2 Al-Wala' Wal Bara' (AWWB)
- 3 Takfiri
- 4 Jihad Perang

■ Doktrin Tauhid Tiga adalah Tauhid Rububiyah, Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Asma Wal Sifat dan apabila kita memahami definisinya sahaja, Tauhid Tiga kelihatan tidak mendatangkan masalah. Namun,

SEORANG lelaki Iraq terkorban dalam serangan bom oleh pengganas Daesh di daerah Tayaran, Mosul. - REUTERS



Ideologi Salafi Jihadi Daesh

implikasinya amat besar kerana membuka pintu kufur seluas-luasnya sehingga dengan mudah menjatuhkan bidaah, kufur dan syirik sesama Muslim yang menziarahi kubur (satu sunah), bertawassul, bertabaruk dan pelbagai amalan sunah yang diperakui ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

■ Natijah Tauhid Tiga adalah AWWB yang difahami sebagai sebahagian daripada akidah, mewujudkan sempadan antara taat setia dan berlepas diri, sayang dan benci kerana Allah. Idea asalnya dikesan dalam kitab *Iqtida' al-Sirat al-Mustaqim*, tulisan Ibn Taimiyah. Bahaya doktrin ini adalah membenci golongan Islam lain yang dianggap syirik dan murtad, menolak metodologi ASWJ, dan pentingnya menzahirkan permusuhan kepada golongan bukan Islam.

■ Natijah Tauhid Tiga dan AWWB adalah Doktrin Takfiri di mana pemerintah Islam dianggap taghut, fasik atau murtad, pasukan keselamatan dianggap berdosa dan zalim, Asha'ari dan Maturidi sebagai golongan

majoriti umat Islam dianggap bidaah serta kufur.

■ Impak Doktrin Takfiri adalah Daesh mengisytiharkan darah umat Islam lain halal dibunuh dan hartanya boleh dirampas dan ia berlaku di Syria-Iraq seperti dipaparkan buktinya dalam majalah *Dabiq*.

■ Kemuncak kepada ketiga-tiga doktrin ini adalah Jihad Perang. Seperti zaman kebangkitan Wahabi pada peringkat awal, Daesh berpendapat perang diperlukan sebagai kaedah 'memurnikan tauhid', menghapuskan syirik dan mencapai maksud daripada doktrin lain.

PERANG SEBAGAI TIANG IMAN

Militan menganggap perang sebagai tiang kepada iman, perkara teratas dalam hierarki agama, mengabaikan perang seperti meninggalkan solat dan puasa, dan perang akan berterusan sehingga hari kiamat. Kesannya pembunuhan berleluasa dan tiada keamanan di Syria-Iraq sehingga kini.

Doktrin kelima adalah Tauhid Hakimiyyah yang berasal daripada 'aliran keras' Ikhwani Muslimin di Mesir. Dr. Usamah Sayyid al-Azhari, membahaskan dengan panjang lebar kerosakan yang dibawa oleh pemikiran Hakimiyyah dalam kitab Syed Qutb bertajuk *Fi Dzilal al-Quran*. Doktrin ini menghukumkan kafir seseorang yang tidak menerapkan hukum Islam meskipun orang Islam yakin ia merupakan wahyu daripada Allah.

Doktrin ini diasaskan kepada

pemahaman salah mengenai ayat 44 Surah al-Maidah yang tidak boleh difahami secara literal seperti diperkata oleh Ibnu Mas'ud, Ibnu Abbas dan Huzaifah al-Yamani, serta dibahaskan oleh Imam al-Thabari dan Imam Ghazali. Doktrin ini berkait rapat dengan empat doktrin sebelumnya, perang dilancarkan untuk menubuhkan Negara Islam dan menjalankan undang-undang Islam versi Daesh yang akhirnya merosakkan *maqasid syariah* itu sendiri.

Doktrin terakhir adalah Doktrin Mahdiyyin diwarisi daripada al-Qaeda yang menubuhkan Tentera Khurasan tetapi kurang serius dalam menubuhkan Khalifah Islam kerana fokus menyerang Barat yang dianggap sebagai musuh utama. Doktrin Mahdiyyin bersandar kepada hadis akhir zaman, bumi Syam yang diberkati dan peperangan akhir zaman antara tentera Islam (al-Mahdi) dan tentera Rom (Kristian).

Daesh menggunakan doktrin ini untuk menubuhkan Negara Islam, menggalakkan umat Islam berhijrah ke Syria-Iraq, mengembalikan semula Khalifah Islam versi mereka dan menunggu kedatangan Imam Mahdi.

ANTARA golongan paling berjaya dalam perang antara pasukan keselamatan Iraq dan Daesh ialah kanak-kanak yang dinafikan hak mereka untuk mendapatkan yang sepatutnya. - GAMBAR HIASAN

Ringkasnya Doktrin Tauhid Tiga, Hakimiyyah dan Mahdiyyin digunakan untuk 'mempromosi kepercayaan' manakala AWWB, Takfiri dan Jihad Perang digunakan untuk 'melindungi kepercayaan'.

ia menjadi tarikan utama kepada umat Islam seluruh dunia kerana menyangka Daesh adalah Khalifah Islam yang benar dalam menunggu Imam

Mahdi. Mereka tersilap kerana menurut pandangan para ulama muktabar, Imam Mahdi akan dibai'ah dalam Masjidilharam di Mekah yang akan memubuhkan semula Khalifah Islam sebenar, bukannya Daesh.

Di Malaysia, memerangi sumber ideologi Salafi Jihadi iaitu menyekat dan mematkan fahaman Salafi Wahabi merupakan langkah pencegahan pertama yang perlu dilakukan (selain memberikan naratif betul dalam berhadapan dengan Doktrin Hakimiyyah dan Mahdiyyin) jika kerajaan serius menangani fahaman pelampau dan ancaman pengganas.

Individu boleh ditangkap dan dipulihkan, organisasi boleh disekat dan diharamkan, tetapi ideologi akan terus tersebar, berkembang dan menerima pengikut baharu jika dibiarkan. Kelembapan sebahagian agensi agama menangani perkara ini boleh menyebabkan pertutupan darab atas nama agama yang lebih besar di Malaysia pada masa hadapan.

